



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 7 FEBRUARI 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	HIDUPAN LAUT DALAM BAHAYA, NASIONAL, SH -3	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
2.	JUAL 15,000 BATANG AISKRIM SEBULAN, EKONOMI, UM -37	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
3.	PETANI MUDA BERUSAHA BANGKIT SELEPAS LADANG TIMUN DIMUSNAHKAN BANJIR, MUKA DEPAN, BH -1	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
4.	MAHU BANGKIT LEPAS RUGI RM10k, LOKAL, HM -12	
5.	RUGI RM10,000 LADANG TIMUN MUSNAH, NASIONAL, BH -20	
6.	PROJEK TERNAKAN LEMBU TAK PERLU BABITKAN GLC, NASIONAL, BH -13	LAIN-LAIN
7.	KONSEP NFC TIDAK BANTU TAMBAH PENGELUARAN, NASIONAL, BH -13	
8.	TINDAKAN TEGAS JUAL AYAM LEBIH HARGA MAKSIMUM, NASIONAL, BH -14	
9.	PENIAGA BERI PELBAGAI ALASAN GAGAL SERAGAM HARGA, NASIONAL, BH -14	
10.	EMPANGAN BUKIT MERAH SUSUT JEJAS PESAWAH, NASIONAL, BH -16	
11.	MANFAAT BUAT PESAWAH, LOKAL, HM -5	
12.	'SEMINGGU GAGAL BELI AYAM DI PASAR', LOKAL, HM -6	
13.	JUAL SEMURAH RM8.20 SEKILO, LOKAL, HM -6	
14.	HARGA SILING AYAM: PERAK TIDAK IKUT SELANGOR, KRISIS BEKALAN TELUR & AYAM, SH -13	
15.	BEKALAN TELUR AYAM TERHAD SELEPAS BANJIR, KRISIS BEKALAN TELUR & AYAM, SH -13	
16.	PROGRAM JUALAN KELUARGA MALAYSIA, FIKRAH, HARAKAH -F6	
17.	LANGKAH IMPORT ELAK KURANG BEKALAN, DALAM NEGERI, UM -12	
18.	HANYA PASAR AWAM MELAKA KURANG AYAM, DALAM NEGERI, UM -12	
19.	PENGGUNA LEGA, SAMBUT BAIK, DALAM NEGERI, UM -5	
20.	PENJUAL AYAM AKUR HARGA YANG DITETAPKAN KERAJAAN, DALAM NEGERI, UM -5	
21.	PENIAGA TERTEKAN, PENGGUNA GELISAH, KRISIS BEKALAN TELUR & AYAM, SH -12	
22.	AYAM DAN TELUR IMPORT TAMPUNG BEKALAN, KRISIS BEKALAN TELUR & AYAM, SH -12	
23.	TIADA HAD BELI TELUR AYAM, LOKAL, HM -7	
24.	SEKAT MANIPULASI, KEGIATAN ORANG TENGAH, LOKAL, HM -7	
25.	DAPAT JUAL LEBIH BANYAK KEPADA PELANGGAN, LOKAL, HM -7	
26.	JANGAN BERGANTUNG HANYA SATU PEMBEKAL, LOKAL, HM -7	
27.	BANTU RINGAN BEBAN KOS BERTAMBAH, NEGARA, KOSMO -5	
28.	TINDAKAN PANTAS KERAJAAN BERJAYA KEMBALIKAN HAK PENGGUNA, NEGARA, KOSMO -5	
29.	DON'T MANIPULATE PRICES OF CHICKEN AND EGGS: MINISTRY, NEWS WITHOT BORDERS, THE SUN -2	
30.	STOP DEPENDING ON IMPORTS, VIEWS, THE STAR -12	
31.	STERN ACTION FOR THOSE WHO RAISE PRICES, NATION, THE STAR -8	
32.	PADI FARMERS AND GLOVE MAKERS ARE HIT BY A WATER SHORTAGE, NATION, THE STAR -8	
33.	HARD WORK NETTING RARE DELICACIES, EVENTS, THE STAR -6	

UKKMAFI

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**

Hidupan laut dalam bahaya

Perbuatan manusia buang plastik
sesuka hati jadi punca

Oleh MUKHRIZ MAT HUSIN

SIHAI ALAM

Pembuangan sisa plastik di lautan memberi kesan kepada hidupan marin sehingga membahayakan kelangsungan spesies berkenaan.

Pengurus Projek Turtle Conservation Society of Malaysia (TCS), Dylan Wang berkata, hidupan laut seperti penyu kebiasaannya akan termakan sisa plastik kerana terkeliru menyangkakan plastik itu adalah makanan.

"Bila mereka makan sisa plastik, perut mereka susah untuk mencerna plastik itu, jadi mereka tidak mendapat nutrisi daripada makanan yang sepatutnya.

"Saya pernah kutip telur penyu sekali keluar dengan sisa plastik. Sebab lama dia tidak bertelur, kita pergi tengok dan kami dapati ada plastik di tempat dia bertelur, jadi kita tarik keluar plastik itu," katanya kepada *Sinar Harian*.

Mengulas lanjut, menurut Dylan, pencemaran plastik yang berterusan di negara ini merupakan satu isu global yang dijangka menyebabkan kepupusan kepada spesies hidupan laut tertentu.

Ujar Dylan, beliau pernah menemui kura-kura besar jenis baning yang mati akibat termakan sisa plastik.



FOTO: BERHAMA

Kakitangan Jabatan Perikanan Negeri Terengganu mengukur saiz bangkal penyu agar betina dewasa yang ditumai terdampar di Pantai Kelulut baru-baru ini. Penyu itu dipercayai mati akibat termakan plastik.



DYLAN

"Saya tanam kura-kura baning itu dan selepas tiga bulan saya keluar balik keluar untuk mendapatkan semula tulang-tulang dan cangkerngnya.

"Di dalam cangkerng itu, meskipun organ dalaman kura-kura itu sudah hancur, tetapi sisa plastik masih ada di dalamnya," ujarnya.

Saintis Alam Sekitar daripada Universiti Putra Malaysia, Profesor Madya Dr Haliza Abdul Rahman sebelum ini memberitahu lebih kurang 663 spesies haiwan akuatik termasuk penyu dilaporkan mendapat kesan buruk akibat pencemaran plastik.

"Justeru, semua peringkat dan kepelbagaian hidupan laut berisiko tinggi iaitu daripada plankton sehinggalah haiwan yang besar seperti burung laut, anjing laut, penyu, ikan lumba-lumba dan ikan paus.

"Kira-kira 100 juta mamalia marin terbunuh setiap tahun akibat pencemaran plastik kerana menyangka ia sebagai makanan.

Laporan ikan paus mati berpunca daripada plastik juga bukan perkara asing," kata Haliza.

Dalam pada itu, Dylan memberitahu, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bersedia untuk bekerjasama dengan kerajaan dalam usaha meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai kepentingan menjaga kebersihan laut sekali gus menyelamatkan hidupan laut di negara ini.

"Kerajaan memainkan peranan dalam memastikan penggunaan plastik di pasar raya serta kedai-kedai makan dapat dikurangkan.

"Masyarakat sudah pakai plastik selama berpuluh tahun tiba-tiba nak minta mereka tukar tabiat itu, ia agak sukar.

"Jadi kita buat program kesedaran untuk budak-budak di setiap sekolah supaya mereka dapat sampaikan kepada ibu bapa," jelasnya.

Tambah Dylan, golongan generasi muda juga berperanan penting dalam memberi kesedaran kepada masyarakat pada masa ini.

"Sebab generasi muda kebanyakan mereka bersekolah, tidak sama dengan orang dulu di mana pengetahuan dan kesedaran mereka mengenai perkara ini kurang," jelas beliau.

Insiden hidupan laut mati akibat termakan plastik

2022
Sekurang-kurangnya 15 ekor penyu ditemui mati di pantai Terengganu pada tahun ini. Ini termasuk seekor penyu agar betina mati terdampar di Pantai Kelulut, Marang dipercayai akibat tertelan plastik.

2019
Ikan yu jantan ditemui terdampar di Pantai Tanjung Aru, Menumbok, Sabah yang disahkan mati akibat termakan beg plastik. Beg plastik sepanjang 46 sentimeter (sm) dan selebar 32sm itu dipercayai menyebabkan halangan fizikal dalam saluran usus ikan yu itu sehingga mengakibatkan kelaparan dan kematian.

2018
Seekor ikan paus sperma yang ditemui mati terdampar di perairan Pulau Kapeta, Taman Nasional Wakatobi, Sulawesi Tenggara, Indonesia ditapati menelan hampir 60 kilogram plastik termasuk botol dan beg plastik serta tatrik.

2016
Seekor ikan paus spesies sei (*Balaenoptera borealis*) dijumpai mati di muara Sungai Serang Buaya, Batu Pahat, Johor. Hasil bedah siasat dan ujian histopatologi oleh unit penyelidikan serta pakar Institut Penyelidikan Perikanan telah menjumpai cebisan plastik dalam usus dan perut paus tersebut.





NUR SYAZANA RANI dan suami, Mohd. Asmadi Saad menunjukkan pelbagai ais krim yang mereka hasilkan di Arau, Perlis, baru-baru ini. - UTUSAN/NUR NAZLINA NADZARI



PELBAGAI jenis dan perisa ais krim kayu dihasilkan oleh Cahaya Syazana Enterprise.

Jual 15,000 batang ais krim sebulan

INSPIRASI NIAGA

Oleh **NUR NAZLINA NADZARI**
utusannews@mediamula.com.my

SETELAH bersara daripada tentera, Mohd. Asmadi Saad, 49, bersama isterinya, Nur Syazana Rani, 31, telah mencuba pelbagai perniagaan bagi mencari sumber pendapatan.

Percubaan mereka menjalankan perniagaan ais krim kayu pada 2015 akhirnya berjaya membuahkan hasil apabila menerima sambutan cukup memberangsangkan.

Bermula dengan modal sebanyak RM20,000 hasil wang simpanan, mereka menubuhkan Cahaya Syazana Enterprise seterusnya membeli mesin dan peralatan membuat ais krim.

Nur Syazana berkata, pada peringkat awal, mereka tidak mengeluarkan produk sendiri sebaliknya membeli ais krim pihak lain dan menjualnya.

Kata suri rumah itu, apabila melihat potensi yang ada dalam perniagaan tersebut, mereka mula menyertai kursus-kursus yang disediakan oleh agensi kerajaan berkaitan ais krim bagi memperluaskan ilmu dalam bidang tersebut.

"Apabila kami pergi kursus, kami akan pulang dan buat pembangunan dan penyelidikan (R&D) sendiri bagi menghasilkan resepi sendiri yang unik dan berbeza daripada yang lain.

"Pada mulanya, kami menjual ais krim jenis soft serve (ais krim lembut) dan selepas itu kami mencuba ais krim kayu yang ter-



MOHD. Asmadi Saad mengalihkan ais krim perisa jambu batu yang baru dibuat ke dalam bekas sebelum dimasukkan ke peti sejuk beku.

nyata mendapat sambutan baik dalam kalangan pelanggan.

"Ini kerana, ais krim digemari segenap lapisan masyarakat tidak kira umur atau latar belakang," katanya ketika ditemui di bengkel pembuatan ais krimnya di Kampung Kubang Siput, Mukim Kurong Anai, Arau, Perlis, baru-baru ini.

Ibu kepada empat orang anak itu berkata, mereka mampu untuk mengeluarkan antara 10,000 hingga 15,000 batang ais krim kayu setiap bulan.

Menurut Nur Syazana, mereka sentiasa menghasilkan pelbagai

perisa baharu dan kini sudah mempunyai lebih daripada 11 perisa termasuklah vanilla, milo, strawberi, jagung, asam boi, keladi, jambu batu, vanilla celup, anggur, kacang merah dan tembikai.

"Buat masa ini, kami ada meletakkan peti ais kami di enam buah kedai di sekitar Perlis. Harga ais krim ini bermula daripada RM1.20 hingga RM3.20. Selain itu, kami juga ada menyediakan ais krim kayu perisa harum manis semasa musim buah tersebut

antara Mac hingga Jun.

"Sebelum ini, produk kami turut dipasarkan di Kedah dan Pulau Pinang melalui ejen, namun akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) susulan penularan Covid-19 ia terhenti," ujarnya.

Nur Syazana yang merupakan usahawan bimbingan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (Risda) Perlis berkata, mereka juga menerima bantuan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Majlis Amanah Rakyat (Mara) dan Jabatan Pertanian.


Katanya, mereka menyasarkan untuk memasuki pasaran di sekitar pasar raya di negeri ini, Kedah dan Pulau Pinang dalam tempoh satu hingga dua tahun lagi.

"Buat masa ini, kami dalam proses mendapatkan pensijilan halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MeSTI).

"Apabila mendapat pensijilan ini, adalah lebih mudah untuk kami memasarkan produk ini ke pasar raya di sekitar zon utara dan memasuki lebih banyak kedai," jelas.



AIS KRIM perisa jambu batu yang dihasilkan oleh Cahaya Syazana Enterprise.



Petani muda berusaha bangkit selepas ladang timun dimusnahkan banjir

Mohd Fikri Harun, 25, dan abangnya, Mohd Faizudin Harun, 31, dibantu ibunya, Faridah Mohamad memeriksa ladang timun fertigasi seluas 0.4 hektar milik mereka di Kampung Lubok Gong, Rantau Panjang, Kelantan yang musnah akibat banjir akhir tahun lalu sehingga menyebabkan kerugian lebih RM10,000. Mereka masih menunggu kelulusan bantuan bank serta Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) untuk membaik pulih kerosakan dan menanam semula timun bagi meneruskan kelangsungan hidup. **Nasional 20**

(Foto Nik Abdullah Nik Omar/ BH)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/2/2022	HARIAN METRO	LOKAL	12



MOHD Fikri memeriksa ladang timun fertigasi miliknya yang musnah akibat banjir sehingga alami kerugian lebih RM10,000 di Kampung Lubok Gong. - Gambar NSTP/NIK ABDULLAH NIK OMAR

Mahu bangkit lepas rugi RM10k

Rantau Panjang: Dua beradik yang mengusahakan ladang timun fertigasi di Kampung Lubok Gong di

sini berusaha kembali bangkit selepas tanaman mereka musnah akibat banjir, baru-baru ini.

Berdepan kerugian lebih RM10,000, dua beradik Mohd Fikri, 25, dan Mohd Faidzin Harun, 31, menyifat-

kan kejadian menimpa mereka untuk sentiasa tabah dengan ujian Tuhan.

Mohd Fikri berkata, dia tidak menyangka banjir yang melanda pada hujung tahun lalu terus melenyapkan tanaman yang menjadi satu-satunya punca pendapatan mereka.

Menurutnya, mereka mengusahakan ladang timun di tanah seluas 0.4 hektar sejak empat tahun menggunakan wang simpanan menyifatkan pertanian dapat memberi pendapatan yang baik.

"Bagaimanapun, kami diuji dengan bencana banjir, sekali gus 'melumpuhkan' kerjaya saya dan abang.

"Kini, kami mencari jalan untuk mendapatkan wang bagi memulakan semula tanaman ini. Kami juga ada memohon bantuan kewangan namun masih belum mendapat maklum balas.

"Sejujurnya, kami tidak sabar membaik pulih kerosakan dan memulakan semula tanaman kerana 'jiwa' kami sebagai petani sangat kuat," katanya.

Rugi RM10,000 ladang timun musnah

Rantau Panjang: Dua beradik buntu memikirkan nasib mereka selepas ladang timun fertigasi diusahakan di Kampung Lubok Gong, di sini, musnah akibat banjir baru-baru ini sehingga kerugian lebih RM10,000.

Mohd Fikri Harun, 25, dan Mohd Faizudin, 31, tidak menyangka banjir hujung tahun lalu itu melenyapkan tanaman yang menjadi punca pendapatan mereka yang baru empat tahun mengusahakan ladang timun di tanah seluas 0.4 hektar itu.

"Kami guna wang simpanan sebagai modal. Bagaimanapun, kami diuji dengan banjir yang sekali gus 'melumpuhkan' kerajaan saya dan abang.

"Kini, kami sedang mencari jalan mendapatkan wang bagi memulakan semula tanaman ini.

"Selain berusaha mencari wang sampingan, kami juga memohon bantuan bank serta Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), namun masih belum dapat maklum balas.

"Sejujurnya, kami tidak sabar untuk membaik pulih kerosakan dan memulakan tanaman timun kerana 'jiwa' kami sebagai petani sangat kuat," kata Mohd Fikri.

Mereka yang turut mengusahakan tanaman Lada Solok dan ubi keledek biasanya menghan-



Mohd Fikri dan abangnya, Mohd Faizudin dibantu ibu mereka, Faridah Mohamad memeriksa ladang timun yang musnah akibat banjir baru-baru ini di Kampung Lubok Gong.

(Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

namun bah kali ini agak besar dengan aliran air deras memusnahkan semua tanaman.

"Hampir setiap hari kami termenung memikirkan cara untuk kembali bangkit mengusahakan ladang ini, namun memerlukan modal baharu yang agak tinggi.

Justeru, kami harap ada pihak dapat membantu petani muda seperti kami.

"Walaupun diuji sebegini, ia tidak mematahkan semangat kami dan akan terus berusaha memastikan ladang timun beroperasi seperti biasa," katanya.

Projek ternakan lembu tak perlu babitkan GLC

MPPN garis lima cadangan tingkat tahap pengeluaran bekalan daging

Oleh Fahmy A Rosli
fahmy.azril@bh.com.my

Kuala Lumpur: Seorang Ahli Majlis Penasihat Pertanian Negara (MPPN) mengesyorkan kerajaan supaya memberi tumpuan terhadap pembangunan kapasiti pengeluaran ternakan lembu dalam kalangan penternak kecil tanpa pembabitkan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dalam projek berkenaan.

Ketua Kluster Pertanian dan Sekuriti Makanan, Akademi Profesor Malaysia, Prof Datin Paduka Dr Fatimah Mohamed Arshad, berkata untuk membangunkan projek ternakan mega, kerajaan tidak perlu membabitkan GLC kerana banyak projek pertanian jutaan ringgit gagal.

Selaku Ahli Majlis Penasihat Pertanian Negara (MPPN), beliau menggariskan lima cada-

ngan kepada kerajaan bagi 'merangsang' tahap pengeluaran bekalan daging merah.

"Pertama, membina kapasiti penternak kecil dengan memberi kredit, khidmat nasihat, subsidi ke atas ubat untuk atasi pelbagai penyakit. Ini memerlukan pegawai pembangunan bekerja rapat dengan penternak untuk memantau ternakan.

"Kedua, menggalakkan penubuhan Koperasi kepada penternak. Bilangan minimum ahli koperasi adalah 20 orang. Ketiga, bila ada koperasi, mereka boleh berkongsi dana dan modal untuk menjual dengan lebih baik iaitu dalam kuantiti serta kualiti lebih baik daripada menjual persendirian.

"Keempat, kerajaan perlu sokong dari segi kemudahan berupa bantuan kewangan untuk membina abattoir (rumah penyembelihan), kebersihan, ubat-ubatan, maklumat pasaran, latihan dan pengembangan.

"Kelima, saya lihat Thailand dan Vietnam masing-masing menerima khidmat pakar dari Belanda dan Israel. Kerajaan perlu

lihat model di Thailand dan Vietnam termasuk juga di Indonesia," katanya kepada BH semalam.

Beliau mengulas cadangan kerajaan membangunkan ladang mega ternakan lembu dengan mengguna pakai objektif dan konsep NFC bagi memenuhi keperluan bekalan daging tempatan dan eksport.

Memaklumkan perkembangan itu, Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), Datuk Dr Norlizan Mohd Noor, berkata cadangan membangunkan projek ladang mega ternakan lembu itu disasar direalisasikan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) iaitu sebelum 2025.

Fatimah yang juga Felo Penyelidik Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan Universiti Pertanian Malaysia (UPM), berkata sepatutnya kerajaan menggunakan dana yang banyak itu untuk tujuan penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Beliau berkata, R&D itu bagi



Fatimah Mohamed Arshad



Projek ternakan lembu secara mega antara sasaran dalam RMK-12.

(Foto hiasan)

Ladang mega ternak lembu



Keratan akhbar BH Ahad semalam

lima tahun... industri ini akan berjaya," katanya.

Beliau turut menasihatkan kerajaan supaya elak pembabitkan syarikat GLC dalam projek sebegini yang terdapat rekod sebelum ini banyak entiti berkenaan tidak dapat 'menjayakan' apa yang dihasratkan kerajaan.

Beliau memberi contoh projek penternakan dikelolakan GLC yang gagal seperti projek udang di Kedah yang rugi dan projek tanaman betik yang membabitkan ratusan ekar tanah.

"Mereka ingat pertanian ini senang. Bila ada penyakit menyerang tanaman betik, tak tahu nak buat apa. Habis tanaman di beratus-ratus ekor. Itu sebabnya tumpuan terhadap pekebun kecil lagi baik. Jika projek seumpama NFC untuk syarikat penternak besar...itu mungkin sesuai. Tetapi dengan syarat, guna modal mereka. Jangan minta dana kerajaan.

"Bukan apa, nanti esok...bila rugi minta kerajaan selamatkan. Tak akan kita nak ulangi episod ini semula?," katanya.

tujuan meningkatkan produktiviti ubat-ubatan untuk penyakit, meningkatkan kebersihan, meningkatkan nilai tambah, pembinaan abattoir moden.

"Gunakan dana bagi pembangunan kapasiti industri. Tingkatkan produktiviti, kualiti daging dan paling penting ubat-ubatan. Selain itu tumpukan juga usaha pengembangan, abattoir bersih dan moden, daging halal bersih dan berkualiti, keluarkan makanan ternakan sendiri serta bukan import.

"Langkah ini akan dapat kurangkan kos pengeluaran sekali gus harga daging yang rakyat dapat pun berpatutan. Insha-Allah, dalam tempoh empat hingga

Konsep NFC tidak bantu tambah pengeluaran

Kuala Lumpur: Pembangunan ladang mega ternakan lembu dengan mengguna pakai objektif dan konsep seperti Pusat Fidlot Nasional (NFC) disifatkan tidak membantu menambah pengeluaran lembu tempatan.

Pengerusi Koperasi Kelab Transformasi Ruminan Malaysia Bhd, Nordin Mat, berkata kerajaan seharusnya beralih kepada pendekatan menerusi program makro bagi membantu penternak sedia ada dalam aspek pembiakan.

Berpengalaman selama 19 tahun dalam penternakan ruminan, beliau berkata, konsep diguna pakai NFC tidak membantu menambah populasi ternakan lembu di Malaysia.

"Sepatutnya dibuat projek pembiakan lembu secara skala besar atau makro dengan membantu penternak sedia ada. Boleh dilihat apabila industri ini se-

benarnya agak kaku sejak 10 tahun lalu.

"Projek mengguna pakai konsep NFC tersebut baik untuk penyelesaian jangka pendek membekalkan sumber daging merah kepada negara, namun kita masih mengharapkan bekalan lembu fidlot dari Thailand, Myanmar atau Australia.

"Program makro membantu penternak sedia ada yang ber-

jaya dengan projek mereka perlu dibantu secara agresif jika ingin program pembiakan negara berjaya," katanya kepada BH.

Beliau mengulas cadangan kerajaan untuk membangunkan ladang mega ternakan lembu dengan mengguna pakai objektif dan konsep NFC bagi memenuhi keperluan bekalan daging tempatan dan eksport.

Sepatutnya dibuat projek pembiakan lembu secara skala besar atau makro dengan bantu penternak sedia ada

Nordin Mat, Pengerusi Koperasi Kelab Transformasi Ruminan Malaysia Bhd



Memaklumkan perkembangan itu, Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), Datuk Dr Norlizan Mohd Noor, berkata cadangan membangunkan projek ladang mega ternakan lembu itu disasar direalisasikan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) iaitu sebelum 2025.

Dr Norlizan dilaporkan berkata, pasaran daging itu bukan untuk domestik semata-mata, sebaliknya boleh dipasarkan ke seluruh Asia Tenggara, Asia Timur dan sehingga ke China.

Mengulas lanjut, Nordin mencadangkan pelaksanaan projek pembiakan skala besar diterajui syarikat berkaitan kerajaan (GLC) seperti FELDA dan Sime Darby yang memiliki ladang kelapa sawit yang luas.

Katanya, kehasan ladang sawit itu dapat membantu dari segi penternakan lembu secara integ-

ras dengan kos rendah dan menguntungkan.

Bagaimanapun, beliau berkata, pelbagai memorandum dan kertas kerja cadangan berkenaan yang dihantar kepada Kementerian dan jabatan berkaitan dipandang sebelah mata sahaja.

"Malangnya, GLC atau syarikat seperti ini, mereka tidak begitu berminat menternak lembu kononnya mengganggu pertumbuhan pokok dan kualiti buah (kelapa sawit) sedangkan hasil sebenar integrasi lembu dalam ladang sawit adalah sebaliknya.

"Ini dibuktikan sendiri oleh syarikat Sawit Kinabalu di Sabah yang membuktikan projek integrasi lembu lebih 15,000 ekor di ladang mereka berjaya dengan hasil pembiakan yang sangat baik, malah prestasi ladang juga sangat baik," katanya.

Tindakan tegas jual ayam lebih harga maksimum

KPDNHEP buat pemeriksaan, pastikan peniaga patuhi peraturan

Oleh Rafidah Wan Azuki
fidahruki@bh.com.my

Putrajaya: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) tidak teragak-agak mengambil tindakan tegas terhadap peniaga yang gagal mematuhi peraturan membabitkan pencatutan, harga

barangan yang ditetapkan Kementerian berkenaan.

Pengarah Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Azman Adam, berkata Bahagian Penguatkuasaan Kementerian itu sentiasa menjalankan pemeriksaan bagi memastikan semua pihak mematuhi harga maksimum barangan yang ditetapkan.

"Mana-mana peniaga melakukan kesalahan akan diambil tindakan mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dan boleh dikenakan penalti.

"Bagi kesalahan menjual barangan harga terkawal melebihi harga maksimum, peniaga indi-

vidu boleh didenda oleh mahkamah sehingga RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya atau dikompau sehingga RM50,000.

"Syarikat yang berbuat demikian pula boleh didenda sehingga RM500,000 atau dikompau sehingga RM250,000," katanya kepada BH, semalam.

Beliau mengulas laporan media mengenai peniaga di Pasar Awam Lebuh Cecil di Pulau Pinang yang mendakwa terpaksa menjual ayam mentah pada harga RM12 sekilogram sejak beberapa hari lalu berikutan kekurangan bekalan.

Memetik seorang peniaga yang enggan dikenali, laporan berke-

naan menyatakan individu terbabit menjual bahagian ayam yang sudah dipotong pada harga berkenaan mengikut berat dan keinginan pelanggan, selepas dua hari pembekal tidak menghantar bekalan.

Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) mengenal Industri Pengeluaran Makanan, sebelum ini memutuskan harga runcit maksimum bagi ayam standard duku-rangan 20 sen kepada RM9.90 daripada harga siling RM9.10 sekilogram.

Sementara itu, Azman yang mengakui sudah dimaklumkan mengenai aduan di Pulau Pinang itu, berkata, orang ramai yang

Mana-mana peniaga yang melakukan kesalahan akan diambil tindakan mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dan boleh dikenakan penalti.

Azman Adam,
Pengarah
Penguat
Kuasa
KPDNHEP



mempunyai maklumat berhubung perkara itu boleh melaporkan kepada pihak KPDNHEP melalui saluran disediakan.

Selain itu, beliau berkata, pihaknya sudah mengarahkan penguatkuasa menyalut perkara berkenaan.

Peniaga beri pelbagai alasan gagal seragam harga

Kuala Lumpur: Penetapan harga siling baharu ayam proses pada kadar RM8.90 sekilogram mulai kelmarin, masih gagal menyeragamkan harganya di seluruh negara.

Walaupun ada peniaga menjual di bawah paras siling serendah RM8.20/kg, tinjauan mendapati ada peniaga menjualnya melebihi kadar ditetapkan dengan alasan tersendiri.

Peniaga di Pasar Besar Alor Setar, Mohd Zahir Zainal Abidin, 68, berkata beliau mampu menjual pada harga RM8.20/kg kerana mendapat bekalan pada harga yang murah daripada pembekal.

Katanya, beliau tidak menaikkan harga mengikut paras siling kerana tidak mahu membebankan pelanggan yang kebanyakannya terdiri golongan berpendapatan rendah.

"Saya dapat bekalan ayam daripada empat pembekal termasuk seorang anak angkat saya. Harga mereka beri memang rendah, jadi saya dapat jual pada harga yang murah, namun keuntungan saya juga tidak tinggi iaitu hanya 60 sen setiap satu kilogram (kg).

"Walaupun tahu ada peniaga di sini kurang senang dengan harga saya jual, tetapi saya tetap teruskan kerana mahu meringkatkan beban pelanggan," katanya yang sudah 51 tahun berniaga ayam, ketika ditemui semalam.

Mohd Zahir berkata, selain jualan runcit, beliau turut menjual ayam secara borong kepada pelanggan seperti peniaga kecil serta membekalkan kepada kantin sekolah dan asrama.



Peniaga di Pasar Besar Alor Setar menjual ayam segar RM8.20 sekilogram.

(Foto Luqman Hakim Zubir/BH)

"Alhamdulillah, setiap hari saya dapat jual kira-kira 2,200 ekor ayam kepada pelanggan di pasar, selain ada juga yang diambil peniaga lain bagi dijual semula di kampung.

"Saya amalkan konsep berkongsi rezeki. Bagi saya semua perniagaan perlu ada untung banyak atau sedikit," katanya yang sudah 36 tahun berniaga di Pasar Besar Alor Setar.

Tinjauan mendapati kebanyakan peniaga di Pasar Besar Alor Setar mematuhi harga siling runcit ayam pada kadar RM8.90 sekilogram yang ditetapkan Ke-

mentarian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mulai semalam.

Bagaimanapun, ada peniaga mengaku terpesit kerana terpaksa menurunkan harga ayam menyebabkan terpaksa meraih keuntungan tipis dalam jualan harian.

Peniaga, Wan Ahmad Fauzi Wan Ismail, 61, berkata dia terpaksa menurunkan harga ayam daripada RM9.20 kepada RM8.90 sekilogram kerana akur dengan arahan kerajaan.

Katanya, keuntungan tambahan 30 sen bagi setiap sekilogram ayam yang sepatutnya diperoleh

kini lebur, namun tetap perlu meneruskan perniagaan walaupun hanya untung tipis.

Sementara itu, tinjauan di pasar basah kawasan Pandan, Johor Bahru, pula mendapati kebanyakan peniaga ayam tidak mematuhi harga siling ditetapkan kerajaan, sebaliknya menjual 40 sen lebih mahal.

Peniaga ayam, Hafizul Mohamad, 40, mendakwa terpesit kerana menerima ayam segar pada harga yang tinggi iaitu RM8.10 sekilogram daripada pembekal, menyebabkan kebanyakannya tidak dapat mematuhi paras siling ditetapkan kerajaan.

"Peniaga menerima harga ayam segar RM8.10 sekilogram yang merangkumi kos pengangkutan sebanyak 50 sen setiap kilogram. Sebelum ini peniaga tak dikenakan kos pengangkutan.

"Bagaimana peniaga nak jual ayam segar pada harga RM8.90 sekilogram sedangkan harga ayam sampai pun sudah RM8.10.

"Kami peniaga ayam makin terpesit kerana sudahlah stok ayam segar terhad, harga daripada pembekal pula tinggi, menyebabkan peniaga susah dapat pulangan modal dan untung kerana perlu membayar sewa premis, bil utiliti selain gaji pekerja," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Penjaja, Peniaga dan Pengusaha Kecil Negeri Sembilan (PPPKNS) Cawangan Seremban, Mohamad Yusoff, menggesa pihak berkuasa perlu menyekat kegiatan dan manipulasi 'orang tengah' dalam usaha menstabilkan bekalan dan harga ayam mentah negara ini.

"Kegiatan mereka ini perlu dipantau dan disekat kerana diyakini mempengaruhi bekalan dan harga ayam termasuk telur ayam dalam pasaran ketika ini.

"Ini dapat dilihat isu bekalan dan harga ayam bukan perkara baharu, sebaliknya sudah berulang kali berlaku hingga mengundang masalah kepada ramai pengguna termasuk peniaga kecil," katanya.

Katanya, harga ayam di ladang tidak naik tetapi yang menaikkan harga barangan keperluan itu adalah 'orang tengah', yang seterusnya memberikan kesan kepada pengguna.

Empangan Bukit Merah susut jejas pesawah

Lenggong: Penyusutan air di Empangan Bukit Merah di Bagan Serai disebabkan musim panas dan kering, bukan sahaja menjejaskan operasi pesawah, malah memberi kesan kepada sektor perindustrian sekitar daerah itu.

Menteri Besar, Datuk Seri Saarani Mohamad, berkata selain petani, kerajaan negeri juga menerima aduan daripada kilang sarung tangan yang memerlukan penggunaan air yang tinggi.

"Kilang berasaskan produk getah memerlukan air yang banyak dan kita mendapat aduan bahawa mereka juga kekurangan air.

"Saya akan bawa perkara ini dalam mesyuarat EXCO untuk mencari kaedah yang lebih berkesan.

"Kita tahu kaedah terbaik adalah memindahkan air dari Sungai Perak ke daerah Kerian, cuma membabitkan kos dan operator bersesuaian," katanya selepas merasmikan Program Kayuhan Muhibah Kesatuan Kakitangan Kemas Semenanjung Malaysia Cawangan Perak, di sini semalam.

† Saarani berkata, kajian kebolehlaksanaan pembinaan terowong air dari Sungai Perak ke kolam Bukit Merah masih diteruskan bagi mengatasi isu berkenaan.


Ditanya mengenai paras air di beberapa empangan utama di sepanjang Sungai Perak, beliau berkata, sehingga kini empangan terbabit berada pada tahap baik.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/2/2022	HARIAN METRO	LOKAL	5

Manfaat buat pesawah



KELIHATAN dua pesawah sedang menyembur racun serangga di kawasan bendang di Padang Lengkuas, Melor, Kota Bharu. Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) memperuntukkan sejumlah RM62 juta untuk insentif racun kepada pesawah tahun ini, peruntukan itu merupakan tambahan RM100 kepada insentif RM200 yang diterima pesawah sebelum ini, sekali gus memanfaatkan lebih 300,000 pesawah.



'Seminggu gagal beli ayam di pasar'

Pengguna luh kecewa hadapi isu kekurangan stok ayam segar

Oleh Mohamed Farid Noh
am@hmetro.com.my

Johor Bahru

Pengguna di bandar raya ini semakin resah apabila gagal mendapatkan ayam segar di beberapa pasar utama di sini kerana kekurangan bekalan dan permintaan yang tinggi sejak sambutan Tahun Baru Cina, baru-baru ini.

Tinjauan di pasar basah utama di Pandan di sini, mendapati kebanyakan lot niaga menjual ayam segar habis dijual sebelum jam 12 tengah hari kerana kehabisan

stok menyebabkan pengguna kecewa.

Seorang pengguna, Yan Mohammad, 50, berkata, dia gagal membeli ayam segar sejak seminggu lalu berikutan bahan mentah sudah kehabisan di pasaran sebab "Sejak seminggu lalu saya dapati banyak gerai menjual ayam kehabisan stok sebelum jam 12 tengah hari.

"Saya kecewa kerana perkara seperti ini tidak pernah berlaku menyebabkan terpaksa membeli daging dan ikan yang lebih mahal," katanya ketika ditemui, semalam. Sementara itu, pembeli

ayam, Hafidz Mohamad, 40, berkata, bekalan ayam terhad diterima daripada pembekal sejak selepas sambutan Tahun Baru Cina, menyebabkan stok bahan mentah itu tidak mencukupi.

Katanya, sebelum ini beliau yang mempunyai tiga lot niaga ayam, menerima 1,200 ekor ayam segar setiap hari, namun kini hanya menerima antara 250 hingga 600 ekor ayam sehari.

"Ayam segar memang sangat tidak cukup di pasaran. Sejak seminggu lalu membeli ayam segar akan habis sebelum jam 12 tengah hari.

"Kami penjual pun ser-

ba-salah apabila pengguna berebut-rebut mendapatkan ayam segar apatah lagi ramai pembeli yang meluahkan kekecewaan mereka berikutan ketiadaan stok ayam.

"Berikutan kekurangan bekalan ayam yang serius ini, kami turut tidak dapat membekalkan stok ayam segar kepada pelanggan yang membeli secara pajakan terutama peniaga restoran dan katering.

"Jika sebelum ini mereka menempah 50 ekor ayam segar sehari, kami hanya dapat bekalkan antara 20 hingga 30 ekor ayam sahaja," katanya.

Jual semurah RM8.20 sekilo

Alor Setar: Pengguna masih boleh mendapatkan ayam pada harga serendah RM8.20 sekilogram di Pasar Besar Alor Setar di sini, berbanding harga siling RM8.90 yang ditetapkan mulai kelmarin.

Peniaga, Mohd Zabir Zainal Abidin, 68, berkata, dia dapat menjual ayam pada harga lebih rendah berikutan mendapat bekalan pada harga yang murah daripada peladang.

Katanya, dia juga tidak menaikkan harga pada kadar siling kerana tidak mahu membebankan orang ramai terutama golongan berpendapatan rendah.

"Saya mendapat bekalan ayam daripada empat pembekal dan salah seorangnya adalah anak angkat saya. Harga yang mereka beri memang rendah dan saya juga dapat jual pada harga yang murah, namun keuntungan saya juga tidak tinggi iaitu hanya 60 sen setiap satu kilogram.

"Walaupun saya tahu ada peniaga di sini kurang senang dengan harga yang saya jual, tetapi saya tetap teruskan kerana mahu meringankan beban pelanggan," katanya ketika ditemui semalam.

Mohd Zabir yang sudah 51 tahun berniaga ayam berkata, dia turut menjual ayam secara borong kepada pelanggan seperti peniaga kecil serta membekalkan ayam kepada sekolah dan asrama.

"Alhamdulillah setiap hari saya dapat jual kira-kira 2,200 ayam kepada pelanggan di pasar selain ada juga yang diambil peniaga lain bagi dijual semula di kampung.

"Saya menggunakan konsep sama-sama berkongsi rezeki. Bagi saya semua peniagaan ada keuntungannya, cuma beza untung banyak atau sedikit, katanya yang sudah 36 tahun berniaga di Pasar Besar Alor Setar.



TINJAUAN penjualan ayam segar di Pasar Besar Alor Setar, semalam. - Gambar NSTP/UR ASSAFI MUHAMMAD

7/2/2022

SINAR HARIAN

KRISIS BEKALAN TELUR & AYAM

13

Harga siling ayam: Perak tidak ikut Selangor

LENGGONG - Kerajaan negeri Perak tidak berhasrat mengikut tindakan Selangor yang menetapkan harga siling runcit ayam standard RM8 sekilogram.

Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad berkata, pihaknya menyerahkan sepenuhnya kepada kerajaan Persekutuan dalam menentukan harga runcit bagi ayam standard di negeri itu.

Menurutnya, tiada jaminan rakyat menerima manfaat sekiranya inisiatif itu dilaksanakan seperti di Selangor.

"Perkara seperti itu perlu dibawa dalam mesyuarat Exco dan dibincangkan secara bersepadu dengan kerajaan Persekutuan.

"Jika harga ayam di Perak lebih murah daripada Pulau Pinang, siapa boleh beri jaminan hanya orang Perak yang beli? Maka berpusing-pusing orang Selangor menyeberangi Sungai Bernam untuk beli ayam," katanya.

Beliau berkata demikian an selepas merasmikan



Saarani menyampaikan hadiah utama cabutan bertuah kepada salah seorang peserta program Kayuhan Muhibah Kesatuan Kakitangan Kemas Semenanjung Malaysia, Cawangan Perak di Dewan Serbaguna Taman Kota Tamapan, Lenggong pada Ahad.

Kayuhan Muhibah Kesatuan Kakitangan Kemas Semenanjung Malaysia Cawangan Perak di Taman Kota Tamapan di sini pada Ahad.

Menurutnya, meskipun pelaksanaan tersebut kelihatan lebih baik untuk rakyat di negeri masing-masing, namun tiada mekanisme menghalang penduduk luar datang membeli ayam sekiranya ia dijual murah di negeri ini.

"Kita berada di dunia tanpa sempadan, kita tiada mekanisme untuk meng-

halang orang negeri lain datang membeli barang murah di negeri kita.

"Kita tidak boleh buat di peringkat negeri semata-mata. Ia kena dibincangkan sekali dengan kerajaan Persekutuan," katanya.

Sinar Harian pada Sabtu melaporkan kerajaan Selangor menerusi Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) menetapkan harga siling runcit ayam standard pada RM8 sekilogram sebagai usaha menangani lonjakan harga barang makanan.

Bekalan telur ayam terhad selepas banjir

TEMERLOH - Selepas minyak pekot, telur ayam antara barangan asas yang sukar diperolehi pengguna di daerah Temerloh di sini selepas banjir baru-baru ini.

Peniaga nasi lemak, Rismayanti Ismail, 49 mendakwa sukar mendapatkan bekalan telur di Mentakab di sini selepas banjir dan ada premis mengehakkan pembelinya setiap seorang.

"Ada yang hadkan pembelian lima papan setiap seorang dan kalau ter lambat, memang tak dapat, cepat habis.

"Adakalanya saya terpaksa mendapatkan telur di Temerloh, namun nasib tak baik tak dapat juga beli sebab tiada bekalan," dakwanya.

Jelasnya, harga barangan asas itu yang semakin mahal juga membuatkan ramai peniaga terpaksa menanggung kerugian.

"Saya mungkin terpaksa naikkan harga jualan memandangkan kenaikan harga barangan lain ter-



RISMAYANTI



RUGAYAH



HAKIM

masuk telur," katanya. Seorang lagi peniaga makanan, Rugayah Abdul Salam, 52 mengakui kekurangan telur semakin ketara selepas banjir.

"Ada beberapa hari telur ayam tidak dijual di premis dan bila ada, cepat habis.

"Ada premis yang jual telur gred C sampai RM12.40 sepapan bebanding dulu, kira-kira RM8 sepapan."

Dalam pada itu, seorang peniaga burger, Hakim Abu Kasim, 51 pula mengakui terpaksa menaikkan harga jualan burger antara 10 hingga 20 sen bermula 1 Februari lalu disebabkan situasi tersebut.

"Saya terpaksa naikkan harga jualan kerana sudah tidak mampu menampung kenaikan harga pelbagai barangan lain dan telur.

"Bekalan telur pun kadang mudah dapat, kadang sukar dan ada sesetengah premis mengehakkan pembelian setiap seorang," katanya.



Harakah Fikrah

001-2723 | 5 - 6 MUKA | 6401/7 - 10 FEBRUARI 2022

Ahmad Shah ditemani Nor Azmi dan Pengurus MydinMall Kuala Terengganu meninjau barangan basic.



Adun Bandar, Ahmad Shah Mohamad, harap dapat dilaksanakan lebih kerap lagi.

Program Jualan Keluarga Malaysia Berjaya capai jualan lebih RM7.8 juta

Ini kerana, katanya majoriti rakyat terutama golongan B40 maslaji terkesan dan terbeban dengan masalah ekonomi sejak wabak pandemik Covid-19 melanda negara.

"Program ini memang mendapat sambutan dan kita harap ini bukan yang pertama tetapi terus untuk sama-sama kita bantu rakyat. Di mana, rakyat kita masih terkesan dengan masalah ekonomi.

"Kita harap ini jadi program berkala dan bukan hanya untuk hari ini sahaja. Apa pun terpulung kepada pihak KPDNHEP untuk merancang," jelasnya.

Sebelum ini, PKJM dilaksanakan dengan usaha pelbagai agensi kerajaan seperti KPDNHEP negeri, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Persatuan Nelayan Kebangsaan (Neknat), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) dan pemain industri peruncitan.

Oleh
KHAIRUL AZLAM MOHAMAD

KUALA TERENGGANU: Program Jualan Keluarga Malaysia (PKJM) yang telah dilancarkan oleh kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sejak 2 Disember 2021 hingga 9 Januari 2022 ini telah berjaya merekodkan lebih RM7.8 juta hasil jualan di seluruh negara.

Sehubungan itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bandar, Ahmad Shah Mohamad menyifatkan, Program Jualan Keluarga Malaysia ini berjaya dan mendapat sambutan di kalangan

rakyat berpendapatan rendah golongan B40.

Bahkan, katanya kehadiran pengunjung juga tidak hanya terbatas di kawasan tertentu sahaja kerana ada yang datang daripada luar daerah.

"Ini memberi peluang kepada rakyat khususnya yang di sekitar Kuala Terengganu ini, untuk mereka mendapatkan barangan dengan harga yang sangat berpatutan dan murah daripada harga biasa.

"Jadi, hari ini dengan kerjasama daripada KPDNHEP dan Mydin ini. Insha-Allah barangan yang dibekalkan ini adalah barangan keperluan

“ Kita harap ini jadi program berkala dan bukan hanya untuk hari ini sahaja. Apa pun terpulung kepada pihak KPDNHEP untuk merancang.”

hartan untuk keluarga.

"Tinjauan saya tadi, harganya memang lebih murah daripada biasa dan ada pengurangan yang ketara," ujarnya yang ditemani Timbalan Pengarah KPDNHEP

Terengganu, Nor Azmi.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri Program Jualan Keluarga Malaysia (PKJM) di MydinMall Kuala Terengganu, baru-baru ini.

Hadir sama Pegawai Perhubungan dan Kemasyarakatan Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) Parlimen Kuala Terengganu, Zulkifli Wahab yang mewakili Ahli Parlimen Kuala Terengganu, Datuk Ahmad Amzad Hasim.

Justeru, kata Ahmad Shah diharapkan program Jualan Keluarga Malaysia ini dapat diteruskan dengan lebih kerap kali secara berkala.



Ahmad Shah ditemani Nor Azmi meninjau harga barangan di MydinMall Kuala Terengganu.



Ahmad Shah meninjau harga di bahagian buah-buahan.

Langkah import elak kurang bekalan

Oleh **DIANA SURYA ABD WAHAB**
utusannews@mediamula.com.my

KUANTAN: Kerajaan bertindak proaktif dengan membenarkan pengimportan daging ayam dan telur dari luar negara bagi menampung kekurangan bekalan tersebut di negara ini.

Pengerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Datuk Mohd. Fasihah Mohd. Fakhri berkata, langkah alternatif itu dilaksanakan semestara bekalan ayam dan telur yang diperlukan dalam negara

kembali stabil.

Menurutnya, kerajaan memberi jaminan mengambil tindakan sewajarnya dalam usaha menyelesaikan masalah tersebut.

"Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Klandee telah keluaran arahan mengimport bekalan ayam dan telur untuk tempoh tertentu. Apabila pengeluaran ayam dan telur sudah meningkat sudah pasti kita hentikan pengambilan import ini.

"Jadi, kita harap pengu-

saha tidak menaikkan harga sewenang-nya dalam situasi kekurangan bekalan ini, sebaliknya mengikut harga pasaran yang ditetapkan," katanya kepada pemberita selepas mengadakan tinjauan mesra dan mengedarkan plastik bio dalam kempen Pasar Tani Lestari dan Pintar di Pasar Tani Mega di hadapan Pusat Transformasi Bandar (UTC), di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Mohd. Fasihah berkata, faktor cuaca dan bencana antara punca kepada masalah kekurangan bekalan

ayam dan telur.

"Cuaca tidak menentu dengan hujan sepanjang musim Monsun Timur Laut dan bencana banjir menyaksikan pengusaha tempatan berdepan masalah untuk membekalkan ayam dan telur di pasaran.

"Dengan ada bekalan ayam (import) dan kerajaan pun sudah ditetapkan (harga ayam) RM8.90 sekilogram, berkuat kuasa semalam jadi ia (harga) sudah berpatutan dan tidak

membebankan rakyat malah pengusaha pun masih memper-

oleh keuntungan," katanya.

Sebelum ini, Ronald dilaporkan berkata, kerajaan memberi kelulusan kepada 32 syarikat bagi mengimport ayam bulat sejuk beku dari tiga negara bagi mengatasi masalah kekurangan bekalan dan kenaikan harga ayam mentah dihadapi rakyat.

Bagaimanapun, beliau menjelaskan pengimportan ayam dari Thailand, China dan Brazil itu akan dihentikan sebaik sahaja bekalan ayam di negara ini pulih.



KPDNHEP Melaka melakukan pemeriksaan di lebih 50 lokasi melibatkan pasar, pasar tani dan pasar raya di seluruh negeri itu dan mendapati bekalan mencukupi. - UTUSAN/RASUL AZLI SAMAD

Hanya Pasar Awam Melaka kurang ayam

MELAKA: Kekurangan bekalan ayam segar di Pasar Awam Melaka di sini, bukan disebabkan penurunan harga RM8.90 sekilogram atau isu di peringkat penternak, sebaliknya sikap peniaga yang terlalu bergantung kepada satu pemborong.

Pengarah Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Melaka, Norena Jaafar berkata, hasil siasatan penguat kuasa mendapati, kekurangan bekalan itu hanya berlaku di pasar awam berkenaan.

Katanya, situasi itu menggambarkan rata-rata peniaga ayam di pasar tersebut tidak mempelbagaikan pemborong dan bergantung kepada satu pemborong sahaja.

"Penguat kuasa kementerian telah membuat siasatan berhubung kekurangan ayam segar di pasar itu dan kita dapati

kesemua peniaga mendapatkan bekalan daripada satu pemborong yang sama.

"Pasar awam dan pasar raya di tempat lain bagaimanapun tidak mengalami kekurangan bekalan ayam," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Menurut Norena, pihaknya melakukan pemeriksaan di lebih 50 lokasi melibatkan pasar, pasar tani dan pasar raya seluruh negeri.

"Kita juga dapati semua peniaga ayam patuh dengan harga standard baharu yang ditetapkan iaitu RM8.90 sekilogram," katanya.

Terdahulu, *Utusan Malaysia* melaporkan, peniaga ayam segar di Pasar Awam Melaka terpaksa menyorokkan barang jualan di bawah meja bagi mengehendak pembelian, susulan jumlah bekalan didakwa susut sehingga 50 peratus.

Harga siling runcit ayam RM8.90 bukti kerajaan prihatin masalah rakyat

Pengguna lega, sambut baik

Oleh HAKIMI ISMAIL
hakimi.ismail@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Langkah kerajaan memperkenalkan subsidi harga ayam memberi khabar gembira kepada rakyat negara ini ketika rata-rata masih ramai mengeluh mengenai kenaikan kos sara hidup.

Penetapan harga baharu runcit ayam pada harga RM8.90 sekilogram yang diputuskan Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) bermula kelmarin disambut baik masyarakat.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di Pasar Chow Kit semalam mendapati, kebanyakan peniaga menjual ayam pada harga RM8.90 sekilogram sebagaimana harga maksimum runcit bagi ayam standard yang disarankan oleh pihak berkuasa.

Walaupun langkah kerajaan mengumumkan harga maksimum bagi ayam standard dikurangkan 20 sen itu tidak banyak, ia sudah mampu mengukir senyum di bibir pengguna yang ditemui *Utusan Malaysia*.

Rata-rata pengguna mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana prihatin dengan nasib rakyat ketika ini yang berdepan pelbagai kenaikan. Menurut Mohd Arif Khan Sumitro, 36, langkah yang diambil kerajaan itu memang ditunggu-tunggu oleh pengguna ketika ini memandangkan harga ayam melambung tinggi sejak akhir-akhir ini.



LANGKAH peniaga meletakkan tanda harga di gerai meyakinkan pelanggan bahawa peniaga mematuhi harga maksimum ayam yang ditetapkan oleh kerajaan. - UTUSAN/MUHAMAD IQBAL ROSLI

Katanya, walaupun harga yang ditetapkan hanya berkurangan 20 sen iaitu menjadi RM8.90 sekilogram ketika ini, ia tetap membantu pengguna terutamanya bagi yang membeli dalam kuantiti yang banyak.

"Bagi saya langkah ini dapat mengembirakan rakyat dan sekurang-kurangnya ada penurunan berbanding harga lebih RM9 sebelum ini. Jika boleh, saya cadangkan kerajaan dapat mengawal lagi harga untuk bantu rakyat."

"Saya beli ayam ini seminggu

sekali, memang harga melambung tinggi sebelum ini. Penjual ada maklumkan harga naik sebab kos di ladang, kita sebagai sememangnya mengeluh, jadi sekarang boleh senyum sedikit.

"Setiap kali beli ayam, saya akan ambil dua hingga ke tiga ekor untuk bekalan seminggu, jadi apabila turun 20 sen itu agak banyak juga penjimatan yang saya dapat. Jadi, saya ucapkan terima kasih kepada kerajaan," katanya ketika ditemui semalam.

Media sebelum ini melaporkan, harga maksimum runcit bagi

ayam standard dikurangkan 20 sen daripada harga siling yang ditetapkan iaitu RM9.10 kepada RM8.90.

Harga runcit RM8.90 ini merupakan penurunan kali ketiga selepas ditetapkan pada RM9.50 semasa Perayaan Deepavali, RM9.30 ketika Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) dari 7 hingga 31 Disember tahun lalu dan RM9.10 semasa SHMKM dari 1 Januari hingga 4 Februari lalu.

Kerajaan menetapkan harga siling runcit ayam itu

berkuat kuasa kelmarin setelah berakhirnya SHMKM sehari sebelumnya dan harga ini kekal sehingga 5 Jun depan iaitu selama 121 hari bagi menjamin kestabilan harga ayam dan juga harga makanan lain yang berkaitan.

Seorang lagi pengguna, Wahab Hamdan, 39, berkata, harga ayam yang ditetapkan RM8.90 sekilogram bermula kelmarin itu lebih baik jika dibandingkan dengan harga-harga yang tidak stabil sebelum ini.

"Sebelum ini, tengok harga ayam pun 'takut' sebab sangat tinggi, sekarang RM8.90 sekarang boleh dikatakan stabil dan saya harap akan turun lagi seperti mana harga-harga yang rendah dahulu," katanya.

Sementara itu, Musrifah Mustar, 29, mengucapkan terima kasih kepada kerajaan dan berharap harga ayam dapat dikekalkan ataupun lebih rendah lagi selepas tamat tempoh penetapan pada Jun nanti.

"Kalau boleh turun sedikit lagi saya rasa lagi baik, tetapi saya tetap bersyukur dengan harga yang ditetapkan sekarang. Langkah ini sangat membantu pengguna untuk membeli barangan yang dilinginkan.

"Saya juga berharap kerajaan dapat mengawal harga barang-barang lain yang ketika ini boleh dikatakan naik mendadak. Ada juga barangan naik harga sehingga tidak masuk akal sehingga membebaskan pengguna," katanya.

Penjual ayam akur harga yang ditetapkan kerajaan

PETALING JAYA: Harga ayam tetap dijual RM8.90 sekilogram, walaupun masih berlaku masalah kekurangan bekalan di beberapa tempat.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di Pasar Chow Kit mendapati, kebanyakan peniaga menjual ayam pada harga maksimum runcit bagi ayam standard yang disarankan oleh kerajaan.

Seorang peniaga yang ingin dikenali sebagai Hussin berkata, walaupun pembekal masih tidak menurunkan harga, dia tetap menjual pada harga RM8.90 sekilogram sejak kelmarin.

Ketika ini katanya, para peniaga berdepan masalah dengan kekurangan bekalan ayam



HUSSIN

dan pembekal juga tidak dapat menyediakan ayam mengikut tempahan.

"Sejak kelmarin, saya jual pada harga RM8.90 sekilogram. Buat



SAZALI ABD LATIF

masa ini, pembekal masih tidak turunkan harga. Mahu atau tidak, kita perlu akur dan jual pada harga yang ditetapkan.

"Untung sedikit sahaja jika,

tidak banyak. Tetapi masalahnya, kita kekurangan bekalan ayam dan saya berharap perkara ini tidak akan berpanjangan," katanya ketika ditemui semalam.

Media sebelum ini melaporkan, harga maksimum runcit bagi ayam standard dikurangkan 20 sen daripada harga siling yang ditetapkan kepada RM8.90 berbanding RM9.10 sebelum ini Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dilaporkan berkata, pelaksanaan harga maksimum ayam itu bermula kelmarin sehingga 5 Jun 2022.

Sementara itu, seorang lagi penjual, Sazali Abd. Latif berkata, walaupun memperoleh keuntungan sedikit, dia tidak mahu

mempersoalkan perkara itu demi menjaga pelanggan.

"Jika harganya begitu saya ikutkan sahaja demi para pelanggan, kita sebagai penjual sebenarnya tidak menerima keuntungan yang banyak kerana pembekal masih berkan harga sama.

"Saya lihat pelanggan juga bertambah apabila harga turun, maknanya pembeli sudah kembali ramai seperti sebelum ini dan situasi itu turut mengembirakan kami sebagai penjual.

"Saya juga berharap, kerajaan dapat memantau harga di peringkat pembekal kerana kadang-kadang terlampau tinggi dan dalam hal ini, kita sebagai penjual menjadi mangsa," katanya.

Peniaga tertekan, pengguna gelisah

Rakyat mengeluh hadapi kekurangan bekalan ayam mentah dan telur

Oleh NORAZWANI YUSOF, NURUL HIDAYAH HAMID, NOR FARHANA YAACOB dan ASYIKIN ASMIN

SHAH ALAM

Isu kekurangan bekalan telur ayam dan daging ayam mentah sejak minggu lalu mengundang kekusaran seluruh rakyat Malaysia.

Sejak Januari lalu juga, pelbagai reaksi diluahkan oleh pengguna khususnya peniaga makanan berasaskan telur dan ayam akibat kekurangan bekalan serta peningkatan harga di pasaran.

Di MELAKA, peniaga ayam di Pasar Awam Bachang di sini, mendakwa bekalan ayam mentah berkurangan sehingga tidak mampu menampung pembelian pengguna biarpun harga siling ayam turun kepada RM8.90 sekilogram.

Peniaga, Muhammad Akramin Syakirin Amin, 26, berkata, kebiasaannya dia menjual sehingga 300 ekor ayam pada hujung minggu, namun kali ini hanya 100 ekor ayam boleh dijual.

Menurutnya, lebih mengejutkan apabila kesemua bekalan ayam mentah telah habis dijual pada jam 9 pagi, Sabtu lalu.

"Biasa pada hari Sabtu dan Ahad pengguna ramai datang



Mohd Fauzi memeriksa bekalan telur ayam yang baru diperolehi di Pasar Besar Alor Setar, Kedah pada Ahad.



Jamil hanya dapat menyediakan ayam mentah untuk pelanggannya.

membeli ayam.

"Namun kerana bekalan ayam yang kita dapat kurang berbanding jumlah sebelum ini, jadi pengguna terpaksa pulang dengan hampa," katanya.

Jamil Janel, 58, juga mengalami nasib sama apabila hanya dapat menjual organ dalaman ayam kepada pelanggan.

"Ayam yang ada terpaksa jual kepada peniaga makanan seperti nasi ayam, itu pun dia minta 40 ekor tapi saya dapat bagi 20 ekor sahaja," katanya.

Tinjauan di pasar raya termasuk Econsave Batu Berendam mendapati bekalan ayam masih ada, namun dihadkan untuk dua ekor bagi satu keluarga.

Di KEDAH, pengguna sekitar daerah Kota Setar mendakwa berdepan isu bekalan telur ayam sejak seminggu lalu.

Tinjauan di pasar raya dan



AKRAMIN

MD NAQUIB

kedai runcit mendapati bekalan telur ayam berkurangan dan kebanyakan rak hampir kosong.

Pengguna, Zaleha Abdul Manaf, 48, berkata, dia yang tinggal di Kuala Nerang dekat sini, sering membeli bekalan telur ayam untuk kegunaan keluarga setiap minggu.

Akuinya, stok bahan mentah itu di kebanyakan kedai habis dijual sejak minggu lalu.

"Setiap minggu, saya memang selalu beli telur ayam teta-

pi sekarang ingin mendapatkan bekalan di kedai kampung pun tidak ada.

"Alhamdulillah, saya akhirnya dapat juga membeli sepapan telur selepas mencari di merata-rata kedai," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Pasar Besar Alor Setar, Mohd Fauzi Sharip memberitahu bekalan telur ayam diterima berkurangan amat banyak berbanding sebelum ini.

Beliau yang juga peniaga runcit berkata, pembekal mengurangkan kira-kira 50 peratus bekalan telur kepada peniaga.

"Sebagai contohnya, saya akan mendapat kira-kira 100 papan telur ayam pelbagai gred daripada pembekal sebelum ini, bagaimanapun kini menerima lebih kurang 50 papan sahaja.

"Itu pun, kami menerima bekalan pada waktu tengah hari dan jika pengguna datang pada

waktu pagi memang telur tiada langsung," katanya.

Di SABAH, kekurangan bekalan telur ayam di Sipitang menyebabkan segelintir peniaga makanan terpaksa menaikkan harga telur yang dimasak sehingga RM2 sebiji.

Peniaga makanan, Md Naquib Noor Ahmad, 39, mendakwa, selain terpaksa membelinya dengan harga yang jauh lebih mahal berbanding harga biasa, ada juga di kalangan mereka terpaksa ke sempadan negeri iaitu di Sindumin bagi mendapatkan telur ayam berkenaan.

"Kekurangan bekalan telur ayam sejak Januari lalu lagi sehingga kami terpaksa masuk ke kedai runcit di ceruk kampung atau ke Sindumin semata-mata mahu mendapatkan telur.

"Harga pula jauh lebih mahal antara RM16 hingga RM18 setiap satu papan," katanya.

Ayam dan telur import tampung bekalan

KUANTAN - Daging ayam dan telur import dari luar negara adalah alternatif yang akan dilaksanakan bagi menampung kekurangan bekalan itu.

Pengerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Datuk Mohd Fasih Mohd Fakeh berkata, langkah itu hanya bersifat

sementara sehingga bekalan ayam dan telur dalam pasaran kembali stabil.

"Kerajaan memberi jaminan akan mengambil tindakan sewajarnya.

"Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiang telah keluaran arahan mengimport bekalan ayam dan telur untuk tempoh tertentu dan apabila pengeluaran ayam dan telur sudah meningkat sudah pasti kita akan hentikan pengambilan bekalan import ini.

"Kita harap pengusaha tidak menaikkan harga sewenang-wenangnya dalam situasi kekurangan bekalan ini, sebaliknya ikutilah harga pasaran," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan Walkabout dan mengedarkan plastik bio

mudah urai dalam kempen Pasar Tani lestari dan pintar di Pasar Tani Pusat Transformasi Bandar (UTC) di sini pada Ahad.

Minggu lalu, pada Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) mengenai industri pengeluaran makanan, kerajaan bersetuju harga maksimum runcit bagi ayam standard ialah RM8.90, manakala harga telur ayam semua gred kekal seperti harga kawalan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM).

Susulan itu, peniaga mendakwa bekalan barangan mentah itu semakin berkurangan dan mereka hanya memperoleh bekalan daripada pembekal serta pemborong dalam kuantiti sangat terhad.

Mohd Fasih berkata, faktor

cuaca seperti banjir dan hujan sepanjang musim Monsun Timur Laut turut menjadi penyebab isu kekurangan bekalan makanan itu.

Jelasnya, perkara itu dimaklumkan Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Rosol Wahid dalam satu pertemuan minggu lalu.

"Ia juga penyebab kepada bekalan tidak cukup dan kerajaan cuba atasinya," katanya.

Mengulas mengenai penetapan harga RM8.90 berkuat kuasa Sabtu, beliau menjelaskan kerajaan tidak mahu membebankan rakyat dengan kenaikan harga barangan selepas musibah banjir besar pada Disember tahun lalu.



Peniaga akui berdepan kekurangan harga ayam sejak minggu lalu.

Peniaga runcit dakwa mempunyai bekalan mencukupi

Oleh Hassan Omar
am@hmetro.com.my

Masjid Tanah

Peniaga runcit di sini mendakwa tidak menghadkan jualan telur, sebaliknya hanya berbuat demikian untuk minyak masak bersubsidi.

Minyak masak itu dihadkan dua pekuk untuk seorang pengguna manakala tiga ke empat pekuk bagi peniaga makanan.

Seorang peniaga, Othman Hassan, 64, berkata, dia tidak bercadang menghadkan penjualan telur kerana mempunyai bekalan mencu-

Tiada had beli telur ayam

kupi dan tiada masalah mendapatkannya daripada pembekal atau pemborong. "Kebanyakan pelanggan faham tindakan menghadkan jualan minyak masak bersubsidi, untuk pastikan semua pihak memperolehnya," katanya ketika ditemui di kedainya di Kampung Balik Batu, Tanjung Bidara di sini, semalam.

Peniaga di Sungai Udang, Abdullah Abdul Rahman, 68, turut mengukui keadaan sama yang tidak memerlukan menghadkan jualan telur ketika ini dilapor mengalami gangguan bekalan.

"Alhamdulillah, setakat ini bekalan telur sentiasa ada tetapi bekalan minyak masak berkurangan sejak sebelum Tahun Baharu Cina," katanya.

Bagi pelanggan, Kamarian

Abdul Samad, 46, berkata, beliau terpaksa berpuas hati dengan hanya dua pekuk telur masak bersubsidi yang diperoleh di kebanyakan kedai runcit di Sungai Udang.

"Kekurangan minyak masak bersubsidi sudah berlaku sejak sebelum Tahun Baharu Cina lagi tetapi Alhamdulillah, saya masih mampu mendapatkannya dari pasar raya atau kedai runcit," katanya.

Kelmarin, Pengarah Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Azman Adam dilapor mengarahkan perunding melaksanakan 'pembelian terhad' terhadap jualan telur di premis masing-masing jika perlu bagi mengawal pembelian panik dalam kalangan pengguna.



PENIAGA runcit di Masjid Tanah mendakwa mempunyai bekalan telur yang mencukupi.



ANTARA SOROKAN AWAM PASAR GADUH RAPAT, SAMBIL NSTP BALOIS, KAJANG, SELATAN

HARGA AYAM RM8.90 SEKILOGRAM

Dapat jual lebih banyak kepada pelanggan

Ipo: Kebanyakan penjual ayam di bandar raya ini bersetuju dengan keputusan dan tindakan kerajaan menetapkan harga maksimum runcit bagi ayam standard RM8.90 sekilogram.

Penjual ayam di Pasar Gunung Rapat, Mohd Salleh Mohd Nor, 66, berkata, pengurangan harga ayam itu memberi kemudahan kepadanya menjual lebih banyak ayam kepada pelanggan.

"Memang lagi baguslah harga turun lebih murah daripada harga yang ditetapkan sebelum ini.

"Kalau boleh turun hingga RM7.50 sekilogram itu lagi

"Kalau boleh turun hingga RM7.50 sekilogram itu lagi baik, lagi senang kita hendak menjual"

Mohd Salleh Mohd Nor

baik, lagi senang kita hendak menjual," katanya ketika ditemui di pasar berkenaan di sini, semalam.

Mohd Salleh berkata, dia sedia maklum dengan penetapan harga baharu itu

dan baru sahaja mendapat pekililing berkenaan perkara itu.

"Dalam keadaan hari ini, pelanggan sebenarnya sudah tidak kisah dengan harga naik atau turun paling penting mereka dapat nak makan ayam," katanya.

Beberapa penjual ayam di pasar sama mengukui mereka juga sedia maklum dengan pengumuman perubahan harga itu.

Sementara itu, peniaga kedai runcit di dalam pasar berkenaan yang hanya mahu dikenali sebagai Tan, 50, berkata, kedainya kehabisan bekalan telur ayam biasa

dan kini hanya menjual telur ayam kampung.

Katanya, dia juga sehingga kini masih belum mendapat pekililing berkenaan penetapan harga baharu.

Sebelum ini media melaporkan, langkah intervensi kerajaan menetapkan harga runcit bagi ayam standard pada RM8.90 berkuat kuasa hari ini hingga 5 Jun dapat menjamin kestabilan harga ayam dan barga makanan berkaitan.

Harga telur ayam semua gred pula kekal seperti harga kawalan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) semasa.

Sekat manipulasi, kegiatan orang tengah

Seremban: Pihak berkuasa perlu menyekat kegiatan dan manipulasi 'orang tengah' dalam usaha menstabilkan bekalan dan harga ayam mentah di negara ini.

Pengerusi Persatuan Peniaga dan Pengusaha Kecil Negeri Sembilan (PPPKNS) Cawangan Seremban, Mohamad Yusoff berkata, pihaknya merasakan terdapat kegiatan 'orang tengah' memberikan kesan kepada bekalan dan harga ayam dan telur ayam.

"Kami yakin walaupun pelbagai usaha dilakukan kerajaan bagi mengurang-

kan kenaikan harga ayam dan telur ayam, faktor 'orang tengah' diyakini mempengaruhi rantaian produk makanan itu.

"Kegiatan mereka ini perlu dipantau dan disekat kerana mempengaruhi bekalan dan harga ayam termasuk telur ayam di pasaran ketika ini.

"Ini dapat dilihat isu bekalan dan harga ayam bukan perkara baharu, sebaliknya sudah berulang kali berlaku hingga mengun- gung masalah kepada ramai pengguna termasuk peniaga kecil," katanya ketika ditemui, semalam.

Jangan bergantung hanya satu pembekal

Melaka: Sikap peniaga bergantung kepada satu pembekal menjadi punca kekurangan bekalan ayam segar di Pasar Awam di Jalan Tun Fatimah, Bachang, dekat sini.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Melaka, Norena Jaafar berkata, sejak kelmarin, pihaknya membuat pematanaan rapi barang keperluan termasuk ayam dan mendapati isu itu tidak berlaku di pasar daerah lain. "Satu Melaka kita dah pu-

sing...tiada masalah di pasar lain di Jasin dan Alor Gajah, kecuali di Bachang. Sudah banyak kali kita nasihat dan beri saranan supaya

peniaga ambil bekalan ayam daripada pembekal lain juga.

"Mereka beri alasan sudah biasa ambil daripada satu pembekal sedangkan di Melaka pemborong banyak.

"Jika pembekal tidak mampu penuhi permintaan, peniaga kena ada alternatif. Tapi biasanya mereka tidak mahu ikut, susahlah dan kita tidak boleh paksa," katanya dihibung.

"Tiada masalah di pasar lain di Jasin dan Alor Gajah, kecuali di Bachang"
Norena

Penetapan harga siling ayam standard beri kesan positif kepada perbelanjaan rakyat

Bantu ringan beban kos bertambah

PETALING JAYA – Penetapan harga siling runcit bagi ayam standard kepada RM8.90 sekilogram sememangnya ditunggu-tunggu seluruh rakyat negara ini terutamanya bagi isi rumah berpendapatan rendah atau B40.

Harga maksimum runcit yang dikurangkan 20 sen daripada harga siling yang ditetapkan RM9.10 sejak awal Januari lalu juga dianggap sudah memadai dan paling murah jika dibandingkan dengan RM10 sekilogram pada tempoh sama tahun lalu.

Rata-rata pengguna yang ditemui Kosmo di beberapa negeri kini mampu menarik nafas lega sambil meluahkan rasa syukur dari gembira dengan langkah terbaik kerajaan itu yang dianggap dapat membantu mengurangkan beban mereka.

Seorang pengguna, Norhayati Mahmud, 58, dari George Town, Pulau Pinang berkata, harga kawalan ayam yang ditetapkan RM8.90 itu bukan sahaja memberi peluang kepada isi rumah kategori B40 tetapi mampu juga dibeli golongan miskin tegar.

"Harga kawalan ayam yang ditetapkan adalah yang paling murah dan berbaloi dibeli."

"Kami berasa lega sekarang, sekurang-kurangnya ia dapat meringankan beban belanja dapur sebab sebelum ini harga barang semuanya naik belaka, itu cabaran kami sekarang ni," katanya kepada Kosmo semalam.



BAHAGIAN Jualan ayam di pasar menjadi perhatian pelanggan untuk membeli pada harga yang murah.

Sementara itu, seorang suri rumah, Aina Mardiah Abd. Halim, 39, pula memberitahu, ini adalah peluang terbaik untuk dia dan keluarganya menikmati hidangan ayam dua kali seminggu berbanding hanya sekali setiap bulan.

"Pendapatan bulanan suami yang tidak menentu memaksa kami dan lima anak menikmati hidangan ala kadar dan ayam hanya menjadi hidangan bulanan pada waktu gaji."

"Penetapan harga kawalan kaili ini memang dinanti-nantikan



MOHD. ZAKI

seluruh warga negara terutama yang bergaji rendah dan berharap banyak lagi barangan keperluan



RAMLAH

utama lain turun pada harga minimum," ujarnya. Sementara itu, seorang

pengguna dari Terengganu, Mohd. Zaki Mohamed, 63, berkata, harga ternakan itu yang sebelum ini mencecah sehingga RM11 sekilogram telah menyusahkan ramai orang kerana ayam adalah antara makanan popular rakyat Malaysia.

"Ini berita gembira buat kami, tiada lagi masalah harga naik melampau, terima kasih atas keprihatinan kerajaan membantu rakyat dalam ekonomi yang sukar sekarang ini," katanya ketika ditemui di Pasar Chabang Tiga, Kuala Terengganu.

Seorang lagi pengguna, Ramlah Mohamad, 67, pula berkata, disebabkan harga yang melambung, dia sudah lama tidak membeli ayam.

"Sebagai seorang pesara, makan mana yang termampu sahaja. Alhamdulillah, ayam sudah turun harga, jadi bolehlah kami beli ayam semula," katanya.

Selain itu, seorang penduduk Kampung Sungai Manggis Banting, Selangor, Mohd. Hisham Talib, 63, pula berkata, berita yang tular dalam media sosial mengenai harga barang akan terus naik pada bulan ini amat meresahkan beliau sebagai ketua keluarga yang bertanggungjawab membeli barang makanan di pasar.

"Saya berharap harga ayam standard sekilogram RM8.90 dapat dikekalkan harganya atau dikurangkan lagi pada masa depan," terangnya.

Tindakan pantas kerajaan berjaya kembalikan hak pengguna

Oleh ALWANI ZAFIRAH KHAIRUL

PETALING JAYA – Masalah kekurangan bekalan bahan mentah terutamanya ayam dan telur di pasaran yang dihadapi pengguna sejak kebelakangan ini, telah kembali stabil ekoran tindakan pantas pihak kerajaan.

Keperihatinan kerajaan yang sentiasa mendengar luahan dan rungutan rakyatnya, telah berjaya mengembalikan senyuman pada wajah dan tidak perlu bimbang lagi berdepan dengan masalah bekalan hasil ternakan itu kerana ia mencukupi untuk menampung permintaan pengguna.

Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan Koperasi Pembangunan Peniaga Kecil Melayu Malaysia Berhad (Kopern), Dr. Ammar Hassan berkata, pihaknya berterima kasih atas inisiatif Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna kerana berjaya merangka strategi yang



AMMAR

berkesan dalam menyelesaikan isu stok bekalan ayam dan telur yang menjadi dilema dalam kalangan peniaga sebelum ini.

"Kerajaan telah bertindak segera dan tidak membiarkan rungutan rakyat berpanjangan terutamanya mengenai stok bekalan bahan mentah yang tidak mencukupi," katanya ketika dihubungi Kosmo semalam.

Selain itu, Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) menyeru pengguna



JAWAHAR

agar merancang pembelian barangan agar tidak membeli secara keterlaluan sehingga menyebabkan stok bekalan tidak mencukupi dalam tempoh tertentu.

Timbalan Presidennya, Mohd. Yusof Abdul Rahman menjelaskan, kadangkala pengguna sering terlibat dengan pembelian panik terutamanya menjelang musim perayaan atau berlaku sesuatu pelaksanaan seperti Perintah Kawalan

Pergerakan (PKP) sebelum ini.

"Pengguna dilihat membeli dengan jumlah yang banyak sehingga mengundang kepada pembaziran sekali gus menyebabkan stok bekalan berkurangan dengan cepat," ujarnya.

Tambah Mohd. Yusof, pengguna diminta jangan risau kerana bekalan amat cukup untuk menampung semua permintaan dan pihak kerajaan sendiri telah melaksanakan pelbagai usaha seperti mengimport bekalan bahan mentah dari luar negara demi memastikan stok bekalan negara sentiasa ada.

Pegawai Pendidikan Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), N.V. Subbarow juga mengingatkan pengguna agar bijak berbelanja dan tidak cepat melatah jika stok bekalan bahan mentah berkurangan di kedai mahupun pasar raya.

Menurutnya, isu tersebut dianggap sebagai masalah

tahunan yang sering berbangkit dalam kalangan pengguna, namun pihak berwajib sentiasa menjalankan tanggungjawab untuk memastikan setiap masalah dapat diselesaikan segera.

Sementara itu, Presiden Persatuan Pengusaha Restoran Muslimin Malaysia (Presma), Datuk Jawahar Ali Taib Khan berkata, rakyat tidak seharusnya menuding jari kepada kerajaan dalam semua perkara terutamanya berhubung isu kenaikan harga serta kekurangan bekalan bahan mentah.

"Kadang-kadang kita juga perlu faham kenalkan harga dan kekurangan bekalan ini mungkin di luar kawalan kerajaan dan harga barangan berpandukan kepada harga pasaran dunia," katanya.

Sehubungan itu, beliau berharap agar ada persepahaman di antara peniaga dan pengguna untuk mencari kaedah terbaik untuk memastikan bekalan mencukupi di pasaran.



There have been public complaints of high chicken and egg prices. - AMIRUL SYAFIQ/THE SUN

Don't manipulate prices of chicken and eggs: Ministry

PASIR PUTEH: The Agriculture and Food Industries Ministry has warned those in the chicken and egg distribution chain not to manipulate prices and burden consumers.

Deputy minister Dr Nik Muhammad Zawawi Nik Salleh said the government would take stern action against those charging higher than the price allowed.

"Don't blame the government if severe action is taken. I hope those involved will take heed of this warning," he said, after officiating at a ceremony to introduce Tok Jarigut Warriors FC players at Agro Resort Jeram Mengaji near Selising.

Nik Muhammad Zawawi was responding to public complaints that there were some suppliers and

wholesalers who tried to increase the prices of raw materials.

"The government has short as well as long-term plans to solve this problem, including approving licences to import chickens and eggs from abroad to stabilise prices in the local market."

Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry enforcement director

Azman Adam said on Friday that the sharp increase in the cost of eggs before, during and after the Chinese New Year holidays had contributed to the current shortage.

He said the ministry was confident that the supply of eggs would stabilise at all localities in the country once egg farms and delivery companies resume operations soon. - Bernama

Stop depending on imports

THE Consumers Association of Penang (CAP) welcomes the action taken by the government to stabilise the price of goods following the decision made at the National Action Council on Cost of Living meeting on Jan 31, which CAP attended and which was chaired by the Prime Minister.

We welcome the decision to set the ceiling price of chicken at RM8.90 even though the government will have to provide subsidies to cover the cost for consumers. We are also positive about the decision to maintain the price of Grade A, B and C eggs according to the current Malaysian Family Maximum Price Scheme.

We believe the government should monitor prices widely and also listen to complaints from consumers about traders raising their prices. On their part, consumers must use the correct channels if they want to report traders who overcharge.

We support this intervention by the government even though poultry farmers requested that the price of chicken at the farm be increased. However, we believe that the government needs to seriously look into producing livestock within the country to avoid the issue of importing animal-based food that is expensive.

We also believe that allowing hypermarkets to import whole chickens from overseas – with compliance requirements focusing on halal status, freshness as well as cleanliness – is only a short-term measure. The best approach would be to strengthen local production sustainably.

We welcome the government's direction to the Malaysian Competition Commission, an agency under the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry, to conduct contin-



Photo: FAIHAN GHANI/The Star

ous studies and investigations to ensure there are no price cartels or manipulation by middlemen in the production and supply of chicken.

There was also a directive to hasten research related to chicken feed alternatives to ensure that the country is not threatened by the price of corn, soya beans and medicine, which currently are 100% imported from overseas.

We recommend that the government re-evaluate land use with emphasis given to the issue of basic food production. Dependence on food imports must be addressed immediately as it threatens the nation's security.

MOHIDEEN ABDUL KADER
President
Consumers Association of Penang (CAP)

Padi farmers and glove makers are hit by a water shortage

LENGGONG: The drop in water level at the Bukit Merah Dam in Bagan Serai near here, due to the hot and dry weather, is not only affecting Kerian district's padi farmers but its industrial sector too, says Datuk Seri Saarani Mohamad.

The Perak Menteri Besar shared that aside from these farmers, they had also received complaints from glove factories which use a lot of water for their operations and production.

"I will bring up this matter at the state executive council meeting to find a more effective solution to the problem.

"We know that the best method (of rectifying this problem) is by transferring water from Sungai Perak to the Kerian district, but it has to involve an appropriate cost and a suitable operator," he said.

Saarani added that a feasibility study on building a water tunnel from Sungai Perak to Bukit Merah was ongoing.

He said the study was necessary to see if the water transferred would be sufficient while the state government continuously tries to find a solution to the problem at the Bukit Merah Dam.

"When asked on the water levels at the main dams along Sungai Perak, Saarani said it was alright so far, such as at the Temenggor, Bersia, Kenering and Chenderoh Dams.

"Although there is no rain, the water sourced from Hulu Perak flows into the dams," Saarani said after officiating at the Kayuhan Mubtalah programme of the Perak branch of Kemas Staff Association of Peninsular Malaysia at the Taman Kota Tampan here yesterday.

Last Tuesday, the Bukit Merah Dam was reportedly at a critical level but could still supply water for domestic and agricultural use.

— Bernama

Stern action for those who raise prices

PASIR PUTEH: Suppliers, distributors and sellers have been warned by the Agriculture and Food Industries Ministry not to manipulate the price of chickens and eggs.

Deputy Minister Dr Nik Muhammad Zawawi Nik Salleh said the government would act against those who were charging higher than allowed by the government.

"The government will not remain silent and tolerate those who try to take advantage.

"Don't blame the government if stern action is taken against them. I hope those involved will take heed of this warning," he told reporters after officiating a ceremony introducing Tok Janggut Warriors FC players at the Agro Resort Jeram Menggaji near Selising here yesterday.

Nik Muhammad Zawawi was responding to complaints from the public that there were some suppliers and wholesalers who tried to increase the pricing of the raw materials.

"The government has short- and long-term plans to solve this problem.

"This includes approving licences to import chicken and eggs from



Father hen: Farm worker Muhammad Haikal Zakari, 21, inspecting one of the 15,000 chickens that are raised in a farm in Kampung Pelam, Telomong. — Bernama

abroad to stabilise the price in the local market so as not to burden consumers," he said.

On Saturday, Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry enforcement director Azman Adam

said the sharp increase in demand for eggs before, during and after the 2022 Chinese New Year holidays had contributed to the current shortage.

He said the ministry was confident that the supply of eggs would stabilise and would be available at all localities in Malaysia once the egg farms and delivery companies resume operations soon.

— Bernama



Fishermen returning with nets full of flower crabs and a variety of shellfish.

Neoh mending some nets to be used for the next catch.

Hard work netting rare delicacies

Fishermen share their adventures of sea, shellfish and skilful art

By LO TERN CHERN
andylo@thestar.com.my

EVERY few days when the tide charts bid good omen, a small group of artisanal fishermen in the city limits go out to sea on small skiffs in search of a relatively rare delicacy — live flower crabs.

Flower crabs are often seen in most markets, but live ones are relatively rare. Unlike mud crabs, flower crabs do not survive long out of the water.

More surprisingly, these fishermen bring back a startling variety of exotic shellfish, some probably never before seen in the usual markets or restaurants.

These fishermen are almost an unknown "living heritage" of the city.

For almost 50 years, little has changed in their classic and proven practices at the beach less than 2km north of George Town's heritage enclave in Jalan Sultan Ahmad Shah.

Only a lucky few who know how to contact them will get a pail or two of these rarely seen shellfish to enjoy.

Among the fishermen is 78-year-old veteran Neoh Oh Yeoh, who honed his skills for over 40 years. Now, he stays at shore and helps mend nets and handle the catches other fishermen bring back.

"After nets as tall as humans are laid on the seabed with sinkers, the currents bring various creatures to get entangled in them.

"We need to study the tide, flow of current and seasons, when the animals are active or available. We



Phang showing the horn clam (left) and flower crab (right) caught in the net by fishermen off Jalan Sultan Ahmad Shah. — Photos: KT GOH/The Star

don't have technology. Only experience guides us.

"Flower crabs used to be worth only RM3 per 600g when I started but due to more people appreciating their scarcity, the crabs now cost RM50 per kg," said Neoh, whose two sons have now taken over the family business.

Among newest acolytes learning this old way of catching live flower

crabs is 40-year-old Phang Peow Meng, who joined a few years ago. "It's hard to survive in this small community, but it's rare and an honour to be accepted and to learn.

"One needs to not only be skilful but also bear the tedious task of cleaning upon returning to shore.

"We spend about two hours setting and retrieving the nets at sea

and a further three to four hours more on the beach untangling the catches from the nets," said Phang.

He added that although flower crabs were the target, other shellfish such as horn clams, oysters, horseshoe crabs and many species of mussels would end up getting caught.

Their catches never reach the local markets as happy buyers are

always waiting by the beach to snap everything up.

"Since the end of 2020, the amount of flower crabs caught has dropped from about 10kg per trip to just about 3kg now.

"Occasionally, we get exotic crabs or shellfish such as *meio meio*, a large sea snail. This is a delicacy not for the faint-of-heart," concluded Phang.



A variety of shellfish, some which are exotic, that were caught by fishermen.